

Pengambilan semula tanah oleh kerajaan negeri

Penduduk tuntutan pampasan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
kota@utusan.com.my

HULU LANGAT 14 Mac - Penduduk yang rumah mereka berdekatan Sungai Langat, di sini memberi reaksi positif terhadap cadangan kerajaan negeri hendak mengambil semula tanah berhampiran tebing sungai itu bagi mengatasi banjir.

Bagaimanapun, selain pampasan setimpal mesti diberikan, mereka juga meletakkan syarat untuk melihat terlebih dahulu cadangan rasmi agar tanah yang diambil kelak tidak digunakan untuk tujuan lain. Tinjauan *Utusan Malaysia* di



RAPIAAH ABU SAID



ABU MANSOR HASHIM



MAZNI NORDIN

Kampung Rantau Panjang dan Kampung Dusun Tua mendapati, rumah-rumah berhampiran sungai dibina dalam lingkungan 20 ke 30

meter dari Sungai Langat.

Seorang penduduk, **Mazni Nordin**, 47, berkata, dia bersetuju dengan cadangan itu jika dilihat dari

aspek keselamatan yang mengancam mereka setiap kali berlaku banjir.

Namun baginya, tiada guna jika kerajaan negeri hanya mengambil semula tanah di sekitar tebing sungai tersebut tetapi tidak melaksanakan projek yang mampu menghalang limpahan air sungai.

"Jika ambil sahaja tetapi tidak berbuat apa-apa, saya rasa tidak perlu kerana keadaannya sama sahaja dan biarlah kami terus tinggal di sini kerana kejadian banjir pun bukan selalu berlaku," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Katanya, kerajaan negeri perlu memberi surat rasmi yang mengan-

dungi perancangan untuk mengelak banjir kepada penduduk bagi memastikan ia tidak digunakan untuk tujuan lain.

Pada Jumaat lalu *Utusan Malaysia* melaporkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata kerajaan negeri akan mengambil semula tanah di sekitar tebing Sungai Langat, Hulu Langat dan Sungai Lembah Jaya, Ampang yang kini menjadi penempatan penduduk bagi mengelak berlakunya banjir di kawasan tersebut.

Beliau yang juga Penyelaras Jawatankuasa Bencana Alam negeri memberitahu, kewujudan rumah di kawasan rizab sungai telah menyebabkan pengaliran air di kawasan tersebut terganggu dan kerja-kerja menyenggara dan mengorek sungai tidak dapat dilakukan.

Katanya juga, siasatan awal mendapati sebahagian penduduk yang menetap di kawasan itu telah mendapat geran.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, **Abu Mansor Hashim**, 31, berkata, kerajaan negeri perlu menyediakan pampasan yang setimpal jika benar mahu mengambil semula tanah tersebut.

"Saya reda jika untuk tujuan mengelak banjir tetapi sayang juga dengan rumah yang didiami sekarang kerana saya membesar di rumah ini sejak kecil," katanya.

Tambahnya, pembinaan penghadang konkrit yang berupaya menghalang limpahan air sungai perlu dilakukan berbanding langkah sedia ada yang hanya menggunakan batu tangkar.

Bagi **Rapiaah Abu Said**, 60, dia bersetuju jika kerajaan negeri menggantikan sebuah rumah lain untuk mereka sebelum pengambilan tanah tersebut dilaksanakan.

"Perlu ada penggantian rumah jika tidak, di mana kami mahu tinggal nanti dan kalau boleh di tempat yang tidak kena banjir," ujarnya.



SEBAHAGIAN rumah penduduk yang dibina berhampiran tebing Sungai Langat yang bakal diambil semula kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI